

**UNSUR METAFORA DALAM PUISI LISAN TRADISIONAL  
KADAZANDUSUN  
METAPHORICAL ELEMENT IN TRADITIONAL KADAZANDUSUN  
POETRY**

*Norjietta Julita Binti Taisin*

Fakulti bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjong Malim Perak, Malaysia.  
norjietta@fbk.upsi.edu.my

**ABSTRAK**

Puisi lisan merupakan salah satu tradisi lisan kaum Kadazandusun di Sabah yang lazimnya dinyanyikan secara solo mahupun berpasangan sama ada mengandungi elemen tarian, muzik ataupun tidak. Sebahagian elemen yang menonjol dalam genre lisan kaum Kadazandusun adalah sudawil (pantun) yang tergolong dalam kategori puisi lisan tradisional. Oleh kerana kehidupan masyarakat lama Kadazandusun amat peka kepada alam semula jadi sebagai sumber ekonomi, maka banyaklah pantun yang dicipta berkait rapat dengan kehidupan persekitaran mereka yang lebih berunsurkan nasihat, teguran dan sindiran kepada anak-anak mereka khasnya generasi muda pada suatu ketika dahulu. Perbincangan ini diusahakan untuk meneliti unsur metafora yang terdapat dalam puisi lisan tradisional Kadazandusun yang telah diselarikan dengan aliran metafora kognitif yang dipelopori oleh Lakoff dan Johnson.

Hasil kajian ini mendapati bahawa bahasa dalam puisi lisan tradisional khasnya pantun mempunyai makna yang tersirat dan tersurat atau mempunyai unsur metafora. Yakni, bahasa yang diungkapkan itu adalah produk budaya dan sekaligus wadah penyampai kebudayaan dari masyarakat penggunanya. Kata Kunci : Puisi lisan, metafora, kognitif, pengajaran, nilai dan budaya.

### **ABSTRACT**

*Oral poetry is one of Kadazandusun's traditions in Sabah that is usually sung solo or in pairs, which may contain the elements of dance and music or not. Some of the prominent elements in Kadazandusun's oral traditions are the sudawils (pantun) that fall under the category of traditional oral poetry. Because the life of the traditional Kadazandusun community is very close to nature as a source of economy, many of the literary works done are related to their living environment and are didactic in nature for the purpose of advice, instruction and guidance to their children especially the younger generation in the olden days. This discussion is aimed at examining the metaphorical elements found in the traditional Kadazandusun oral poetry that has been preserved with the cognitive metaphoric flow pioneered by Lakoff and Johnson. The results of this study found that the language in traditional oral poetry, especially the pantun, has implicit and explicit meanings or has metaphorical elements. That is, the language used manifest is a cultural product which portrays a wonderful culture of the community concerned..*

*Keywords: oral poetry, metaphor, cognitive, teaching, values and culture.*

## PENGENALAN

Genre lisan di Sabah merupakan hasil sastera rakyat tradisional yang tertua di negeri ini. Ia berkembang melalui tradisi lisan kerana masyarakat pada ketika itu belum lagi mempunyai sistem tulisan. Justeru, ia dicipta dalam masyarakat tanpa diketahui penciptanya dan telah diperturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Tidak dapat dinafikan terdapat ramai generasi tua daripada pelbagai suku kaum di Sabah yang masih menuturkan genre lisan sama ada berbentuk cerita seperti mitos, dan cerita rakyat mahupun genre lisan bukan bercorak cerita seperti puisi tradisional (pantun, syair, gurindam dan mantera), peribahasa, kias ibarat, teka-teki dan sebagainya.

Sementara itu, genre puisi lisan berstruktur pantun yang dominan dalam kalangan pelbagai etnik di Sabah juga tidak terkecuali daripada penyebarannya. Justeru, terdapatlah berbagai-bagai istilah yang digunakan bagi merujuk kepada genre lisan berstruktur pantun di Nusantara. Menurut Lokman Abdul Samad, (2002:8), di Sabah setiap suku kaum mengenali genre lisan berstruktur pantun dengan istilah atau panggilan menurut suku kaum masing-masing. Misalnya, kaum Kadazandusun yang tinggal di pantai barat seperti Penampang, Papar, Tuaran, Kiulu, Tamparuli, Tenghilan, Kota Belud dan juga di lembah bukit di Ranau, Tambunan, dan Keningau adalah sebahagian daripada penutur genre puisi lisan tradisional seperti pantun iaitu *Sudawil*.

Pada kebiasaannya, mesej yang disampaikan dalam puisi lisan tradisional Kadazandusun khasnya pantun menggunakan unsur metafora. Ia terhasil secara spontan oleh golongan yang berusia lanjut dan pada kebiasaannya tinggal di kampung-kampung yang jauh di pedalaman. Maka ungkapannya perlu dihayati kerana pemikiran dan perasaan penyampainya tidak dicurahkan dengan berterus terang akan tetapi menggunakan unsur-unsur alam sebagai metafora.

Misalnya rangkap pantun (*sudawil*) hanya merupakan metafora bahasa yang mengindahkan lagi susunan bahasa dalam pantun tradisional masyarakat Kadazandusun. Justeru, sesuatu perkataan yang digunakan untuk menerangkan suatu benda dikatakan metafora untuk membawa suatu maksud yang mendalam. Misalnya, imej tumbuhan seperti daun, bunga, hutan dan sebagainya.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Kebanyakan penulis Barat mengakui bahawa penduduk peribumi Sabah terdiri daripada pelbagai kumpulan dan subkumpulan etnik yang berbeza-beza. Ini jelas melalui perbezaan dialek, adat dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat pendukungnya. Hal ini dapat dilihat terutamanya pada genre lisan, pakaian tradisi, tarian, muzik, kraftangan, kerana setiap satunya mencerminkan sesuatu suku kaum dengan jelas. Genre lisan di Sabah merupakan hasil sastera rakyat tradisional yang tertua di negeri ini. Ia berkembang melalui tradisi lisan kerana masyarakat pada ketika itu belum lagi mempunyai sistem tulisan. Dalam pengertian ini, ia dicipta dalam masyarakat tanpa diketahui penciptanya dan telah diperturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Tidak dapat dinafikan terdapat ramai generasi tua daripada pelbagai suku kaum di Sabah yang masih menuturkan genre lisan sama ada berbentuk cerita seperti mitos, dan cerita rakyat mahupun genre lisan bukan bercorak cerita seperti puisi tradisional (pantun, syair, gurindam dan mantera), peribahasa, kias ibarat, teka-teki dan sebagainya (Norjietta Julita Taisin, 2014: 6).

Seperti kebanyakan masyarakat yang lain, puisi lisan tradisional masyarakat Kadazandusun juga turut mempunyai fungsi tersirat yang mengandungi banyak pengajaran dan teladan. Ia tidak akan dinyanyikan sekiranya tidak bertujuan walaupun sekadar untuk menghiburkan hati. Pada

kebiasaannya, mesej yang disampaikan dilatari dengan persekitaran alam dan budaya kehidupan masyarakat Kadazandusun, kerana itu ia cepat mesra dan digemari oleh masyarakat Kadazandusun bahkan, sebahagiannya dapat bertahan hingga sekarang (Norjietta Julita Taisin, 2014: 302).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Sebagai tradisi lisan, kewujudan puisi lisan tradisional harus dilihat dalam pelbagai konteks yang lebih luas dan kaitannya dalam kehidupan semasa sesebuah masyarakat. Kurangnya pendokumentasian terhadap bahasa sukuan juga turut menyumbang kepada kepupusan puisi lisan tersebut. Ini selaras dengan Appell (1968), seorang pengkaji dari Amerika menyatakan bahawa terdapat tradisi lisan yang telah terbangun ke tahap yang tinggi dan luar biasa keindahannya di Sabah yang didapati dalam kalangan semua suku kaum asli. Sementara kewujudannya diiktraf oleh banyak pihak tetapi kepentingannya sering tidak diberi perhatian dan ia tidak didokumentasikan dengan baik. Sementara itu, puisi lisan seperti ini mempunyai estetika dan kekuatannya tersendiri yang dapat dilihat dengan penggunaan unsur metafora.

Penelitian ini juga dilakukan untuk melihat perkaitan diantara bahasa yang menggunakan unsur metafora, pemikiran dan kebudayaan masyarakat pendukungnya. Unsur metafora yang diambil dari lambang alam menunjukkan kekreatifan masyarakat pendukungnya menggunakan metafora untuk menyampaikan mesej. Justeru, unsur metafora yang terkandung dalam puisi tradisional tersebut mengandungi kata konkrit dan kata abstrak yang perlu diketahui maknanya agar mesej yang disampaikan memberi kesan kepada pendengar mahupun audiens.

Berdasarkan kajian terdahulu, pelbagai dapatan kajian serta pandangan telah diutarakan berkaitan dengan unsur metafora namun berbeza dari segi fokus analisis mahupun

teori yang digunakan. Ia tidak menyentuh secara ilmiah berkaitan penggunaan unsur metafora dalam pantun yang menggunakan perkataan-perkataan dari aspek sosiobudaya mahupun linguistik. Misalnya kajian Lokman Samad (2009), beliau hanya mengkategorikan pantun suku kaum Brunei di Sabah mengikut tema. Demikian juga, kajian Abdul Jamal Abdul Hamid (2008), dapat dirumuskan bahawa kajian beliau hanya terbatas kepada fungsi pantun tetapi tidak menyentuh tentang makna metafora. Sementara kajian, Saidatul Nornis (2008), berkaitan puisi tradisional masyarakat Bajau di Sabah hanya menonjolkan tentang tema dan mesej. Kajian beliau hanya bersifat pencetus sahaja, tidak melihat kajian mendalam dalam proses analisis penggunaan unsur metafora.

Walaupun pengkaji-pengkaji lepas mempunyai idea-idea yang bernas sebagai wadah kepada penyelidik seterusnya namun terdapat beberapa kekurangan dari skop kajian, teori dan sebagainya. Wujudnya kekangan kerana rata-rata pengkaji membicarakan tentang pengkategorian, pendokumentasian, tema, peranan dan fungsi genre lisan tersebut. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengetengahkan unsur metafora dalam puisi masyarakat Kadazandusun yang dikaitkan makna daripada aspek budaya masyarakat pendukungnya.

## **TUJUAN KAJIAN**

- i. Mengenal pasti beberapa perkataan unsur metafora dalam puisi tradisional (pantun) masyarakat Kadazandusun dari konteks telatah
- ii. Menjelaskan fungsi tersirat pantun Kadazandusun dari konteks telatah dengan penggunaan unsur metafora.

## **METODOLOGI DAN BATASAN KAJIAN**

Penelitian ini menggunakan data genre puisi lisan tradisional iaitu pantun Kadazandusun sebagai bahan kajian yang

menggunakan kaedah kualitatif. Menurut Burn (1995), Merriem (1998) dan Yin (1994) penggunaan reka bentuk penyelidikan menggunakan data kualitatif amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan pemerhatian seseorang individu atau unit, satu kumpulan manusia, keluarga, satu kelas, sekolah, satu masyarakat, peristiwa dan budaya. Sementara Patton (1990) menerangkan bahawa kajian kualitatif dengan teknik temu bual mampu memberikan satu kerangka kerja di mana responden dapat meluahkan pemahaman serta pengetahuan mereka mengikut cara mereka sendiri. Kaedah kualitatif juga membantu peserta kajian menjelaskan sesuatu perkara atau situasi dari sudut pandangan mereka sendiri (Colby & Kohlberg et al., 1987).

Kajian ini dilaksanakan melalui kerja lapangan yang menggunakan data lisan tradisi sebagai bahan kajian. Mohd. Taib Osman (1982: 15-16) menyatakan bahawa kerja lapangan mengumpul bahan tradisi lisan ialah metodologi utama dalam penyelidikan yang berkaitan dengan bidang *folklore*. Peringkat pengumpulan data (*collecting data*) akan diikuti dengan penyimpanan hasil kerja lapangan (*archiving*) dan penganalisan. Manakala Kaivola-Bregenhoj (2001: 29) menyatakan bahawa kerja lapangan mengumpul atau merakam sesuatu bahan tradisi lisan rakyat adalah satu daripada kecenderungan penyelidikan umum, yang bertujuan agar pengkaji memahami aspek konteks, fungsi dan pengguna tradisi lisan berkenaan.

Penelitian ini hanya terbatas kepada unsur metafora dalam puisi lisan tradisional Kadazandusun dari konteks telatah iaitu jenaka dan sindiran. Hanya empat contoh rangkap pantun (*sudawil*) telatah yang diberi penelitian hasil daripada rakaman audio di lapangan dari informan yang terlibat. Bentuk pantun (*sudawil*) tersebut terhad kepada 4 kerat atau 4 baris serangkap.

## Pengumpulan Dan Kaedah Penganalisan Data

Kajian ini melibatkan kajian lapangan. Pengumpulan data dibuat berdasarkan kaedah temu bual dan pemerhatian. Sementara itu, untuk mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan, telah menggunakan bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan. Mohd. Shaffie Abu Bakar (1987:41), kaedah penyelidikan perpustakaan merupakan satu kaedah yang digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod atau bahan bertulis.

Dengan pengaplikasian teori kognitif oleh Lakoff dan Johnson (1980) yang antara alirannya metafora kognitif. Ia memperlihatkan usaha minda menerangkan sesuatu makna yang abstrak menerusi makna konkrit. Akan tetapi yang menentukan makna merupakan pengalaman dan pengetahuan kebudayaan manusia (Jyh Wee Sew:1997). Manakala mengikut Mangantar (1987:84) teori kognitif ialah pengkajian bagaimana caranya persepsi mempengaruhi perilaku dan bagaimana caranya pengalaman mempengaruhi persepsi.

Unsur metafora yang terdapat dalam pantun tersebut adalah berdasarkan kepada persekitaran alam iaitu flora dan fauna. Penggunaan unsur alam seperti *kolibambang* (ramarama), *bunga tosindak* (bunga yang cantik), *punti ngabai* (buah nanas) dan sebagainya, jelas menunjukkan bahawa masyarakat Kadazandusun amat peka dengan alam dan budaya kehidupan sehariannya.

Disebabkan tingginya budi bahasa masyarakat kadazandusun terutama sekali pada zaman nenek moyang mereka maka setiap tutur kata mereka dipenuhi dengan ungkapan kias mengias. Justeru, ia merujuk pada bahasa atau rangkaian kata yang digunakan untuk menyebut sesuatu perkara dengan membayangkan perkara lain yang lebih dikenali sebagai unsur metafora.

Unsur metafora berkesan untuk menyampaikan sesuatu. Penggunaan beberapa perkataan metafora dalam



pantun tersebut bukan sahaja lembut pada pendengaran, akan tetapi juga memiliki unsur kelucuan bersesuaian dengan tema konteks telatah yang diberi penelitian. Jelas bahawa, unsur metafora dapat dijadikan bahasa sindiran, tetapi jarang sekali pendengarnya yang sakit hati walaupun sindiran tersebut ditujukan kepadanya. Metafora lahir daripada idea yang kreatif daripada unsur-unsur kiasan. Penggunaannya berkait rapat dengan kepercayaan, sikap dan nilai masyarakat. Penggunaan metafora dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun menunjukkan ketinggian tahap pemikiran bermula sejak dahulu kerana mampu mencipta pelbagai bentuk metafora yang menjadi kekayaan warisan bangsa.

## METAFORA

Menurut Asmah Haji Omar (2005), definisi metafora tidak hanya terbatas sekadar bunga-bunga bahasa atau bahasa yang indah tetapi lebih dalam daripada pengertian itu. Jesteru, metafora juga menggambarkan sistem konseptual sesuatu bahasa dan kepercayaan terhadap kebudayaan para penutur asli bahasa tersebut. Tambahnya lagi, dalam pembentukan metafora, anggota dan organ badan (manusia) merupakan salah satu domain sumber asas kepada pembentukan metafora secara sejagat. Hal ini demikian, kerana melalui badanlah, manusia mengalami dan berinteraksi dengan persekitaran serta budaya masyarakat.

Menurut Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir (2005:49), gaya bahasa metafora ialah sejenis gaya bahasa perbandingan yang paling ringkas, padat, kemas dan teratur. Gaya bahasa ini tidak menggunakan kata seperti, seumpama, laksana, bagai, bak, ibarat, peneka atau serupa. Sementara itu, Za'ba (2002:171) yang menyatakan bahawa tiap-tiap peribahasa yang telah terbit pada sesuatu bangsa itu timbulnya kemudian, daripada telah diuji mereka kebenarannya dengan *dirasai* atau *dilihat sendiri beberapa lama*, mungkin pertamanya mula-mula

sebutan itu keluar dari mulut seseorang yang bijak dan pantas fikirannya, iaitu perkataan yang ringkas dan memenuhi sepenuh-penuh maksud serta mengandungi di dalam sesuatu kebenaran yang telah dirasai atau telah diperhatikannya telah berlaku pada diri orang lain. Kedua, kemudian apabila berkenaan orang ramai mendengarnya maka, dipakailah pula oleh mereka itu hingga *berulang-ulang dan berhubung dari seorang ke seorang*.

Kajian Abdul Halim Ali (2010), mendapati bahawa terdapat empat jenis gaya bahasa kiasan iaitu gaya bahasa metafora, alusi, simili dan personifikasi yang paling dominan digunakan oleh penyair.

Manakala definisi metafora menurut Beekman dan Callow (1974) adalah suatu perbandingan yang implisit. Metafora, mengandungi unsur-unsur yang kadang-kadang tidak disebutkan secara eksplisit. Pradopo (1994:66) mengatakan metafora merupakan bentuk perbandingan dua hal secara langsung, tetapi dalam bentuk yang singkat. Norjietta Julita Taisin (2014: 209) turut mengakui bahawa dalam menginterpretasikan makna metafora masyarakat Kadazandusun, dan mendapati tiga proses pemikiran masyarakat Kadazandusun yang dipaparkan melalui penggunaan *purinding do boros* (kata-kata metafora/kiasan) iaitu;

1. Metafora terhasil daripada pemikiran dan terbentuk melalui proses pengalaman, renungan atau luahan hati;
2. Metafora dibentuk oleh orang tua-tua masyarakat Kadazandusun yang bijak dan pantas fikirannya sama ada ia wujud secara sedar atau pun tidak;
3. Metafora menghasilkan suatu pandangan hidup melalui interaksi sosial dalam masyarakat Kadazandusun pada suatu ketika dahulu dan sehingga kini menjadi warisan.

Berdasarkan pendapat-pendapat tersebut, metafora dalam penelitian ini dilihat sebagai gaya bahasa kiasan yang indah digunakan untuk menambahkan kesan serta pemaknaan ungkapan tertentu. Ia berkait rapat dengan adat resam, kebudayaan dan pengalaman persekitaran masyarakat pendukungnya. Penelitian ini hanya memperlihatkan beberapa contoh pantun Kadazandusun yang bertemakan konteks telatah. Zainal Abidin Bakar (1984: 31) dalam Norjietta Julita Binti Taisin (2014: 237) menyatakan bahawa harus diakui, dalam praktik, antara satu aspek dan aspek lainnya dalam serangkap pantun itu saling terkait. Maka itu, terdapat ketidaksamaan di antara para pengkaji dalam mengklasifikasikan pantun. Justeru dalam huraian ini, pantun dari konteks telatah yang mempunyai fungsi tersirat dengan penggunaan unsur metafora akan diberi penelitian.

Seperti mana masyarakat Melayu lama yang akrab dengan alam semulajadi seperti alam tumbuhan, haiwan dan cakerawala, masyarakat Kadazandusun juga tidak terkecuali dengan keadaan keakraban tersebut. Ini selaras dengan Harun Mat Piah (1989: 115) menjelaskan bahawa penggunaan lambang-lambang dan simbol-simbol daripada alam perlu diketahui untuk memahami maksud pantun. Lantaran itulah pantun dikaitkan dengan alam semulajadi sebagai perbandingan dan perlambangan yang berfungsi sebagai sumber pengajaran dan nasihat.

Jamilah Hj. Ahmad ( 1993: 114) mengatakan bahawa pantun dapat berfungsi dalam hampir setiap aktiviti kehidupan masyarakat Melayu Terdapat pelbagai jenis pantun yang mempunyai tema tertentu berkait rapat dengan perasaan cinta, kasih sayang, puji-pujian, nasihat, agama, adat, telatah dan corak hidup masyarakat. Tema yang ingin diketengahkan, disisipkan dengan latar alam. Oleh sebab alam itu indah, maka unsur-unsur alam diaplikasikan di dalam setiap rangkap pantun yang disampaikan atau dicipta. Segala pengalaman hidup, pandangan hidup dan falsafah yang ingin dikemukakan di

dalam pantun menggunakan latar alam sebagai pembayang. Unsur-unsur sedemikian secara tidak langsung memperlihatkan keakraban masyarakat Melayu lama dengan alam semulajadi.

Justeru dalam penelitian ini, hanya empat contoh pantun tradisional (*sudawil*) Kadazandusun diambil dari konteks telatah yang akan diberi penelitian berdasarkan penggunaan unsur metafora dan fungsi yang tersirat. Berikut merupakan pantun tradisional yang bertemakan konteks telatah, iaitu jenaka dan sindiran;

<i>Alo tombotuon hilo id dudan</i>	Ada buluh kecil di hulu sungai
<i>Royohon tomod no linampas</i>	Dipuji sungguh tinggi ruasnya
<i>Rikot oku no minonungod</i>	Saya datanglah untuk mendekati
<i>Minsungkad no nou ru gamalas.</i>	Dialah yang paling pemalas.
<i>Podtulud no i simpupurak</i>	Terbanglah si burung putih
<i>Panako id tondolupang</i>	Hinggap di pohon tandalupang
<i>Opurak no da o turosnu</i>	Walau pun mukamu putih
<i>Nga nokupang o korintut.</i>	Tapi punggung tetap tua.
<i>Podtulud no ii kakanda'</i>	Terbanglah si kakanda
<i>Panako' do potinggangou</i>	Hinggap kelihatan terbalik
<i>Hodi no kaka ii kakanda'</i>	Itulah dia si kakanda
<i>Nipon oitom do potinggangou.</i>	Gigi hitam kelihatan jongang.
<i>Podtulud no ilo tilak ilak</i>	Terbanglah si burung tilak-ila

<i>Panako roun do kobu</i>	Hinggap di atas daun kobu
<i>Isai ma amu koirak</i>	Siapa yang tidak mentertawa
<i>Nadaahan kou no do mindahu ?</i>	Kamu pun lewat turun ke ladang?.

(Sumber: Kerja Lapangan: Norjietta Julieta Binti Taisin, Jun 2011)

Berdasarkan data puisi lisan tradisional tersebut, akan diberi penelitian seperti yang berikut:

Rangkap pertama;

<i>Alo tombotuon hilo id dudan</i>	Ada buluh kecil di hulu sungai
<i>Royohon tomod no linampas</i>	Dipuji sungguh tinggi ruasnya
<i>Rikot oku no minonungod</i>	Saya datanglah untuk mendekati
<i>Minsungkad no nou ru gamalas.</i>	Dialah yang paling pemalas.

Ungkapan *tombotuon* (buluh kecil) yang tumbuh di hulu tepi sungai (*dudan*) dengan batangnya yang mempunyai *linampas* (jarak ruas) antara satu buku dengan buku lain merupakan perbandingan kepada seorang gadis berbadan kecil dan tinggi lampai yang menjadi idaman setiap lelaki. Pada kebiasaannya *tombotuon* (buluh kecil) banyak tumbuh di tepi sungai kerana itu lahir peribahasa Melayu 'seperti aur dengan tebing' (saling tolong-menolong). Tidak dapat dinafikan bahawa di mana ada sungai di tepi sungai itulah tumbuhnya buluh. Adaptasi daripada alam telah menjadi ilham untuk dijadikan dalam ungkapan pantun Kadazandusun masa silam.

Berdasarkan ungkapan dalam pantun tersebut, *tombotuon* iaitu sejenis buluh yang batangnya sedikit lembut

dan kecil serta *linampas* (jarak ruas) antara satu buku dengan buku yang lain dikiaskan kepada seorang gadis berbadan kecil dan tinggi lampai. Ciri-ciri *tombotuon* tersebut telah menjadi kebanggaan kepada masyarakat Kadazandusun tradisional kerana merujuk kepada kegunaan *tombotuon* itu sendiri dalam kehidupan seharian mereka. Namun ciri-ciri pada gadis tersebut adalah di sebaliknya kerana gadis yang dimaksudkan sangat pemalas. Keadaan ini telah diketahui oleh si lelaki itu sendiri setelah datang untuk memastikannya. Maka terungkaplah *minsungkad no nouro do gamalas* (dialah yang paling pemalas) sebagai sindirian kepada si gadis. Kata *minsungkad* secara literal bermaksud mengorek tetapi dalam pantun ini ia dikiaskan kepada sikap yang paling pemalas. Justeru, seorang gadis yang paling pemalas kerana setiap kali mula melakukan kerja gadis tersebut sering tersungkur jatuh. Justeru, keadaan ini telah memberi idea kepada nenek moyang untuk mengaitkan kata *minsungkad* dengan sikap pemalas si gadis tadi yang seolah-olah menggali lubang kerana sering tersungkur dalam melakukan kerja.

Pantun tersebut walaupun terselitnya unsur humor akan tetapi ia merupakan sindiran tajam kepada seorang gadis yang cantik tetapi sangat pemalas. Jelas bahawa mesej yang disampaikan merupakan peringatan kepada setiap gadis yang ingin mendirikan rumah tangga bahawa paras rupa haruslah selaras dengan budi pekerti dan rajin bekerja.

Rangkap kedua;

<i>Podtulud no i simpupurak</i>	Terbanglah si burung putih
<i>Panako id tondolupang</i>	Hinggap di pohon tandalupang
<i>Opurak no da o tuosnu</i>	Walau pun mukamu putih
<i>Nga nokupang o korintut.</i>	Tapi punggung tetap tua.

Ungkapan *simpupurak* (burung berbulu putih) yang hinggap di pohon *tondolupang* (sejenis pohon renek yang buahnya dipanggil *tandalupang* dalam masyarakat Kadazandusun). Buah tersebut seperti bintang yang berbucu serta berbulu dan mudah melekat, terutama sekali pada pakaian. Ketinggian pokok *tondolupang* hanya paras lutut atau pinggang sahaja. Buahnya yang cepat tua berwarna coklat kerana itulah dinamakan *tondolupang* yang dikaitkan atau sebagai metafora kepada ungkapan *nokupang* (sudah tua). Maka terciptalah, pantun nenek moyang tersebut yang saling berkait maknanya, iaitu *simpupurak*, *tondolupang* dan *nokupang* yang pada dasarnya dikiaskan kepada seorang lelaki tua yang sudah berambut putih.

Walaupun lelaki tua tersebut mempunyai muka putih seolah-olah seperti orang muda tetapi *nokupang o korintut* (punggung tetap tua) kerana kelihatan fizikalnya tidak segagah orang muda dan jelas kelihatan pada punggung lelaki tua tadi. Penggunaan perkataan tersebut yang saling berkait rapat dari segi bunyi telah menguatkan lagi pentafsiran makna kerana penggunaan gaya bahasa perbandingan yang bersahaja tetapi padat dengan maksudnya tersendiri seperti ungkapan *Opurak no da o turosnu nga nokupang o korintut* (walaupun muka kelihatan putih tetapi punggung tapi tua). Sementara penggunaan unsur alam flora seperti *tandalupang* (pohon *tandalupang*) dan unsur haiwan seperti *simpupurak* (burung berbulu putih) yang mengaitkan dengan diri manusia, tumbuhan dan haiwan seperti *nokupang* (tua) telah menjelaskan bahawa ketiga-tiga unsur ini saling melengkapi antara satu sama lain.

Jelas bahawa pantun tersebut merupakan jenaka berunsur sindiran kepada lelaki tua berambut putih yang berkeinginan untuk berkahwin lagi seperti yang terungkap dalam peribahasa Melayu 'tua-tua keladi, makin tua makin menjadi'.

Rangkap ketiga:

<i>Podtulud no ii kakanda'</i>	Terbanglah si kakanda
<i>Panako' do potinggangou</i>	Hinggap kelihatan terbalik
<i>Hodi no kaka ii kakanda'</i>	Itulah dia si kakanda
<i>Nipon oitom do potinggangou.</i>	Gigi hitam kelihatan jongang.

Dalam pantun ini, ungkapan *kakanda'* (kakanda) dan *nipon* (gigi) merupakan idea sebagai pembeding atau penceritaan tentang diri si *kakanda'* (kakanda). Pantun ini sebagai sindiran berunsur jenaka dari seorang lelaki tua kepada seorang perempuan tua yang dipanggil si *kakanda*. Lelaki tua tersebut menyindir semula kepada si kakanda kerana sebelum ini, si kakanda mengatakan lelaki tua tersebut 'muka putih tetapi punggung tetap tua'. Oleh itu, si lelaki membalas semula dengan mengatakan *hodi no kaka ii kakanda, nipon oitom do potinggangou* (itulah dia si kakanda, gigi hitam kelihatan jongang).

Pada masa silam, lahirnya ungkapan seperti ini sebagai sindiran kepada lelaki dan perempuan yang sudah berumur. Si perempuan yang menyindir kepada si lelaki akan dibalasnya semula dengan sindiran yang berunsur jenaka berdasarkan karakter yang dilihat oleh si lelaki terhadap si perempuan tadi. Misalnya, perempuan tua tadi mempunyai gigi hitam dan jongang mungkin disebabkan terlalu banyak makan sirih, maka timbul sindir-menyindir antara mereka tetapi masih dalam keadaan terkawal kerana diungkapkan dalam pantun secara halus untuk mengelakkan pertelingkahan yang berpanjangan. Namun tidak dapat dinafikan, sindir-menyindir yang beremosi akhirnya melahirkan bibit-bibit perkenalan dan percintaan yang akan menjurus kepada perkahwinan antara mereka.



Rangkap keempat:

<i>Podtulud no ilo tilak ilak</i>	Terbang lah si burung tilak-ila
<i>Panako roun do kobu</i>	Hinggap di atas daun kobu
<i>Isai ma amu koirak</i>	Siapa yang tidak mentertawa
<i>Nadaahan kou no do mindahu ?</i>	Kamu pun lewat turun ke ladang?.

Ungkapan *tilak-ilak* (burung) dan *roun kobu* (daun kobu) dalam pantun ini merupakan idea yang menjurus sindiran kepada suami isteri yang baharu mendirikan rumah tangga kerana lewat turun ke ladang. *Tilak-tilak* (burung) terbang dan hinggap di atas daun *kobu* sambil berkicau-kicau pada awal pagi sebagai isyarat supaya semua penduduk di persekitaran bangun untuk turun bekerja di ladang. Tetapi ada pasangan suami isteri yang baru mendirikan rumah tangga sering bangun lambat menyebabkan mereka terlewat turun ke ladang sehingga matahari sudah naik tinggi. Masyarakat kampung sering menyindir seperti ungkapan *isai ma amu koirak nadaahan kou no do mindahu* (siapa yang tidak mentertawa, kamu pun lewat turun ke ladang).

Kehidupan masyarakat Kadazandusun tradisional sangat peka dengan keadaan terutama sekali yang berkaitan dengan masa kerana itu individu yang lambat bertindak termasuklah lambat bangun pagi akan ketinggalan mengerjakan ladang. Untuk melihat putaran masa, mereka bergantung penuh kepada matahari, iaitu semakin tinggi matahari maka semakin cepatlah masa berlalu. Burung yang berkicau di awal pagi diumpamakan oleh nenek moyang seperti menyanyi *sudawil* (pantun) sebagai tanda memberitahu agar mereka turun bekerja di ladang sebelum matahari memancar keluar. Ia amat bersesuaian untuk penoreh pokok getah kerana pokok getah hanya mengeluarkan susu yang banyak di awal pagi. Seperti pada kebiasaannya akan

menjadi 'buah mulut' dan ejekan kepada individu yang selalu lewat turun ke ladang terutama sekali pasangan yang baharu berkahwin.

## KESIMPULAN

Jelaslah bahawa penggunaan unsur metafora yang berasaskan unsur-unsur alam flora dan fauna menjadi perhiasan bagi mencantikkan bahasa kerana bahasa kiasan banyak menggambarkan keindahan alam dan pemilihan lambang atau simbol. Jesteru penggunaan unsur metafora berperanan menjadi pelindung sesuatu perkara yang tidak ingin dinyatakan secara terang-terangan. Dengan adanya bahasa kiasan, perasaan malu atau takut kerana tidak manis didengar orang dapatlah disembunyikan. Namun di sebaliknya ia menyampaikan mesej yang dapat dijadikan landasan hidup masyarakat pendukungnya pada zaman silam sehingga kini.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2010). `Konsep Estetika Bersepadu: Terapan dan Analisis Terhadap Karya-Karya Puisi Ahmad Kamal Abdullah`. *Tesis Ph.D.* Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Jamal Abdul Hamid. (2006). Lagu-Lagu Rakyat Sabah: Masyarakat Suku Kaum Brunei di Weston Sabah. Dalam Rogayah A.Hamid dan Jumaah Ilias.(sunt).2006. *Lagu Rakyat Memupuk Kesantunan Melayu, Edisi Pertama*. Hlm. 172-181. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Appell, G. N. (1968). `Ethnographic Profiles of the Dusun Speaking Peoples of Sabah` dlm. *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society* XLI (2), 13-32
- Asmah Hj. Omar. (1996). `Metaphors of Anatomy as a Reflection of Malay Cultural Belief`. *Jurnal Bahasa Jendela Alam* Jilid 1, hlm. 7.

- Asmah Haji Omar. (2005). `Budaya dan Bahasa Kiasa`. *Jurnal Peradaban Melayu*. Vol 3. 25 April 2001.
- Beekman, J dan John Callow. (1974). *Translating the Word of God*. USA: Zondervan Publishing House
- Burn, R. B. (1995). *Introduction to Research Methods*. Melbourne: Longman
- Colby, A., & Kohlberg, L. (Eds.). (1987). *The measurement of moral judgment (Vols. 1 and 2)*. New York: Cambridge University Press
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jamilah Hj. Ahmad. (1993). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaivola-Bregenhøj, Annikki. (2001). *Riddles. Perspective on the Use, Function and Change in a Folklore Genre*. Helsinki: Finnish Literature Society.
- Lakoff, G and Johnson M. (1980) . *Metaphors We Live By*. Chicago: University of Chicago Press
- Lokman Abdul Samad. (2002). `Badaub: Pantun Masyarakat Bisaya di Sabah`. *Kertas Kerja* dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing Kedua, 8-15 Oktober, Beijing.
- Lokman Abdul Samad. (2009). Tradisi Pantun Suku Brunei di Sabah. Dalam Low Kok On, Inon Shaharuddin A.R. dan Esterlina Lazarus.(sunt).2009. *Isu-Isu Sastera dan Budaya, Edisi Pertama*. Kota Kinabalu Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Mangantar Simanjuntak. (1987). *Pengantar Psikolinguistik Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Merriem, S. B..(1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. (2nded.). San Francisco: Jossey-Bass
- Mohd Shaffie Abu Bakar. (1987). *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd. Taib Osman. (1982). *Manual For Collecting Oral Tradition With Special Reference to South East Asia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir. (2005). *Stilistik Komsas*: Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norjietta Julita Binti Taisin. (2014). `Sudawil: Analisis Dari Aspek Makna`. *Tesis Ph.D.* Universiti Malaysia Sabah.
- Zainal Abidin Bakar. (1984). *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Patton, M.Q. .(1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. London. Sage
- Pradopo, Rahmat Djoko. (1994). *Stilistika Dalam Buletin Humaniora No.1 tahun 1994*. Yogyakarta: Fakultas Sastra UGM.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2008). Strategi Interaksi dalam Tradisi Lisan *Isun-Isun* Bajau. Dalam *SARI* 26:221-241. Banggi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Dlm <http://www.ukm.my/penerbit/sari/SARI26-07/sari262007%5B15%5Dnew.pdf> (Dicetak pada 14 December 2018)
- Sew, J.w. (1997). `Warna Panas dan Warna Sejuk Dalam Bahasa Melayu`. *Jurnal Dewan Bahasa* 41 (4), 299-306.
- Yin, R.K. (1994). *Case Study Research : A Practical Handbook*. London Thousand Oaks, New Delhi : Sage
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 2002. *Ilmu Mengarang Melayu*/Zainal Abidin Ahmad (Za'ba); dengan pengenalan oleh Asmah Haji Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.